A **PARAMOUNT LINK SDN BHD**

lwn.

ROSSINGTON CONSOLIDATED SDN BHD

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
YAACOB MD SAM H
[PETISYEN PENGGULUNGAN NO: 28-144-04-2012]
19 JULAI 2012

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Penggulungan - Petisyen - Kegagalan mematuhi dan menyelesaikan tuntutan di bawah notis statutori s. 218 Akta Syarikat 1965 - Tuntutan bayaran tertunggak termasuk faedah bayaran lewat - Permohonan untuk membatalkan petisyen - Sama ada terdapat jumlah hutang yang dipertikaikan secara bona fide - Sama*
D *ada terdapat penyalahgunaan proses mahkamah untuk mengenakan tekanan dan menyebabkan kerugian yang tidak boleh dipampaskan - Sama ada petisyen boleh dipertahankan*

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Afidavit menentusahkan petisyen penggulungan - Afidavit tidak ditarikhkan - Sama ada petisyen*
E *penggulungan sah - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(b), (c) - Sama ada petisyen boleh dipertahankan*

Pempetisyen telah membekalkan tangki-tangki air kepada responden selaku pelaksana 'Projek Rawatan Air Pelbagai Sumber di
F Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia, Negeri Pahang'. Dalam petisyen ini, pempetisyen memohon bagi penggulungan ke atas syarikat responden kerana gagal mematuhi dan menyelesaikan tuntutan di bawah notis statutori s. 218 Akta Syarikat 1965 bagi tuntutan sebanyak RM625,708.26, iaitu bayaran bekalan tangki-
G tangki air yang dikatakan tertunggak, termasuk faedah ke atas bayaran lewat. Responden telah mempertikaikan tuntutan hutang pempetisyen dan keesahan petisyen penggulungan. Menurut responden, pempetisyen telah membekalkan tangki-tangki air secara berperingkat-peringkat dan pempetisyen telah mengeluarkan invois-
H invois berjumlah RM1,900,285 yang mana sebahagiannya telah dibayar oleh responden, meninggalkan baki sebanyak RM497,910 ('baki bayaran'). Baki bayaran ditangguhkan atau tidak dibayar kerana tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen dikatakan defektif, tidak mengikut spesifikasi, tidak sesuai dan tidak
I berkualiti. Akibatnya responden mengalami kerugian kerana terpaksa mendapatkan gantian tangki-tangki daripada pihak lain. Responden menambah lagi bahawa pengenaan kadar faedah atas bayaran lewat tidak dinyatakan dalam invois atau perjanjian. Oleh

itu, responden menghujahkan bahawa pengeluaran notis statutori s. 218 oleh pempetisyen merupakan penyalahgunaan proses mahkamah untuk mengenakan tekanan ke atas responden dan menyebabkan kerugian yang tidak boleh dipampaskan. Sebaliknya, pempetisyen menghujahkan bahawa tidak terdapat pertikaian *bona fide* oleh responden terhadap baki bayaran. Pempetisyen menghujahkan tanggungjawabnya hanyalah membuat pembekalan sedangkan kerja-kerja pemasangan tangki dilakukan oleh responden. Responden didakwa telah mengendalikan tangki-tangki air secara tidak betul semasa pemunggahan. Responden seterusnya memfailkan saman dalam kamar di bawah A. 18 k. 19(b) dan/atau 19(c) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') dan/atau kuasa-kuasa sedia ada mahkamah bagi membatalkan petisyen pempetisyen atas alasan bahawa petisyen dan afidavit yang menentusahkannya adalah defektif dan menjejaskan kerana tidak ditarikhkan. Isu-isu yang timbul dalam pertikaian petisyen ini adalah (i) sama ada petisyen penggulungan pempetisyen defektif; dan (ii) sama ada terdapat pertikaian *bona fide* ke atas hutang tersebut.

Diputuskan (membenarkan permohonan dengan kos):

(1) Ketiadaan tarikh pada petisyen penggulungan telah menjadikan petisyen tersebut defektif. Kecacatan atas petisyen tersebut menjadi lebih memudaratkan apabila afidavit verifying petition yang difailkan bagi mengesahkan petisyen juga merujuk dan mengekshibitkan petisyen yang tidak mempunyai tarikh. Maka yang demikian, tidak terdapat afidavit yang sah bagi mengesahkan petisyen yang difailkan itu. (perenggan 13)

(2) Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 mengkehendaki agar setiap petisyen penggulungan syarikat disahkan oleh afidavit yang akan menjadi keterangan *prima facie* ke atas pengataan yang terdapat dalam petisyen. Ketiadaan tarikh pada petisyen penggulungan menjadikan petisyen tersebut defektif dan ini dimudaratkan lagi apabila afidavit yang menentusahkannya juga tidak bertarikh. Oleh itu, tidak terdapat afidavit yang sah bagi mengesahkan petisyen yang difailkan itu. Dengan kecacatan yang terjadi ke atas petisyen penggulungan dan afidavit yang menentusahkannya, maka satu keterangan *prima facie* tidak boleh terbentuk. Kecacatan ini tidak boleh dipulihkan kerana merupakan asas kepada tindakan pempetisyen. (perenggan 13 & 14)

(3) Terdapat pertikaian *bona fide* ke atas hutang responden yang menjadikan petisyen ini tidak wajar dikekalkan kerana terdapat pertikaian fakta sama ada tangki-tangki yang dibekalkan rosak atau defektif ketika dibekalkan atau ianya rosak ketika dikendalikan oleh responden. Kecacatan tersebut menjadikan jumlah sebenar harga-harga tangki yang terhutang oleh responden satu pertikaian yang *bona fide*. Jumlah yang dibayar oleh responden tidak boleh menjadi satu pengakuan oleh responden ke atas keberhutangan kerana bayaran tersebut adalah bagi bekalan tangki-tangki air yang tidak dipertikaikan dan telah diterima responden. Walaupun responden telah membuat bayaran, ianya tidak boleh dijadikan estopel ke atas responden bagi tangki-tangki air yang dipertikaikan dan kegagalan membuat bayaran ke atasnya. Keterangan melalui dokumen-dokumen yang dirujuk oleh pihak-pihak memperlihatkan bahawa pempetisyen menyedari dan sedia maklum terhadap pengaduan dan pertikaian oleh responden tersebut serta penafian responden ke atas jumlah terhutang. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Blue Valley Plantation Bhd v. Periasamy Kuppannan & Ors [2011] 5 CLJ 481 FC ***(dirujuk)***

Gulf Business Construction (M) Sdn Bhd v. Israq Holding Sdn Bhd [2010] 8 CLJ 775 CA ***(dirujuk)***

Morgan Guaranty Trust Co New York v. Lian Seng Properties Sdn Bhd [1991] 1 CLJ 260; [1991] 1 CLJ (Rep) 317 SC ***(dirujuk)***

Multi-Purpose Bank Bhd v. Uniphoenix Corporation Bhd [2006] 6 CLJ 474 HC ***(dirujuk)***

Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn Bhd & Ors [1997] 5 CLJ 421 HC ***(dirujuk)***

Sri Binaraya Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd [2000] 7 CLJ 320 HC ***(dirujuk)***

Syarikat Mohd Noor Yusof Sdn Bhd v. Polibina Engineering Enterprise Sdn Bhd [2005] 2 CLJ 676 CA ***(dirujuk)***

Tan Kim Hor & Ors v. Tan Heng Chew & Ors [2003] 1 CLJ 634 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, s. 218

Companies (Winding-Up) Rules 1972, r. 26

Rules of the High Court 1980, O. 18 rr. 19(b), (c), O. 56, rr. 1(2), (3)

Bagi pihak pempetisyen - Suthusegaran; T/n Jayadeep Hari & Jamil

Bagi pihak responden - Hariharan Tara Singh; T/n Ali Kamaruddin & Ravi

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam H:

[1] Perkara di hadapan mahkamah ialah permohonan saman dalam kamar (lampiran 5) oleh responden Rossington Consolidated Sdn Bhd di bawah A. 18 k. 19(b) dan/atau 19(c) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan/atau kuasa-kuasa sedia ada mahkamah bagi membatalkan petisyen penggulungan yang dibawa oleh pempetisyen Paramount Link Sdn Bhd terhadap responden di sini (pemfailan kertas kausa secara e-filing). Alasan permohonan responden ialah petisyen penggulungan oleh pempetisyen tersebut adalah defektif dan tidak sah kerana tidak bertarikh (*undated*).

Latar Belakang Kes

[2] Petisyen bagi penggulungan ke atas syarikat responden ini dibawa oleh pempetisyen setelah responden gagal mematuhi dan menyelesaikan tuntutan di bawah notis statutori s. 218 Akta Syarikat 1965 bertarikh 29 Februari 2012 yang dibuat serahan oleh peguamcara pempetisyen ke atas responden bagi tuntutan sejumlah wang sebanyak RM625,708.26 yang dikatakan masih terhutang oleh responden kepada pempetisyen setakat tarikh 21 Februari 2012 termasuk faedah ke atas bayaran lewat (*late payment interest*) yang terakru.

[3] Jumlah hutang tersebut adalah bayaran yang dikatakan tertunggak oleh responden terhadap harga bekalan tangki-tangki air (*water tanks*) yang dibekalkan oleh pempetisyen kepada responden berkaitan dengan "Projek Rawatan Air Pelbagai Sumber di Perkampungan Orang Asli Semenanjung Malaysia, negeri Pahang" dalam mana responden telah dilantik oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah bagi melaksanakan projek tersebut.

Hujahan Oleh Responden

[4] Pada 27 April 2012 responden memasukkan notis niat bagi menentang petisyen. Responden selanjutnya telah memfailkan saman dalam kamar bagi membatalkan petisyen penggulungan pempetisyen. Melalui afidavit menentang petisyen dan afidavit sokongan responden bagi pembatalan petisyen (lampiran 7) yang diikrarkan oleh Hazlina binti Abdul Aziz iaitu pengarah responden bertarikh 27 April 2012, responden telah mempertikaikan tuntutan hutang pempetisyen tersebut serta keesahan (*validity*) petisyen penggulungan ini. Responden mengatakan mereka telah melantik pempetisyen bagi membekalkan tangki-tangki air bagi projek responden berdasarkan representasi dan sebut harga yang diberikan

oleh pempetisyen. Di dalam projek tersebut terdapat perunding yang memantau projek iaitu Syarikat SS Perunding. Responden mengatakan setelah lantikan dibuat, pempetisyen telah membekalkan tangki-tangki air secara berperingkat dan pempetisyen mengeluarkan invois-invois masing-masing bagi pembekalan tangki-tangki air yang dibuat dan jumlah keseluruhan harga invois-invois ialah RM1,900,285. Responden telah membuat bayaran sebahagian daripada invois-invois tersebut meninggalkan baki bayaran sebanyak RM497,910. Responden mengatakan baki bayaran tersebut telah ditangguhkan atau tidak dibayar kerana perkara-perkara berikut:

(a) sebahagian daripada tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen adalah defektif dan tidak boleh dipakai;

(b) sebahagian tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen adalah tidak mengikut spesifikasi;

(c) sebahagian tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen adalah tidak sesuai untuk projek tersebut;

(d) sebahagian tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen adalah tidak berkualiti.

[5] Responden selanjutnya mengatakan bahawa responden telah beberapa kali membuat pengaduan dan memaklumkan secara secara lisan dan bertulis kepada pempetisyen tentang masalah-masalah yang disebutkan di atas terhadap sebahagian daripada tangki-tangki yang dibekalkan oleh pempetisyen tersebut melalui surat-surat responden bertarikh 8 Mac 2011, 16 Mac 2011 dan 10 Oktober 2011 bersama gambar-gambar tangki yang didapati pecah (burst) dan rosak sebaik sahaja dipasang oleh responden. Di samping itu responden juga membuat pengaduan-pengaduan kepada pempetisyen melalui e-mail. Responden mengeksibitkan surat-surat dan e-mails responden kepada pempetisyen yang ditandakan sebagai eks. "HA3" dalam afidavit sokongan responden di sini. Responden juga mengatakan akibat daripada bekalan sebahagian tangki-tangki yang defektif tersebut, responden mengalami kerugian kerana terpaksa mendapatkan gantian tangki-tangki dari pihak lain. Dengan yang demikian responden mempertikaikan jumlah tuntutan sebanyak RM625,708.26 yang dituntut oleh pempetisyen di bawah notis statutori s. 218 Akta Syarikat 1965 termasuk dan juga mempertikaikan pengenaan kadar faedah oleh pempetisyen sebanyak RM127,728.26 setakat 31 Januari 2012 yang mana responden mengatakan tidak terdapat sebarang nyataan dalam sebarang invois atau perjanjian di antara responden dan pempetisyen yang memperuntukkan tentang kadar faedah lewat bayar tersebut. Responden mengatakan pempetisyen

sedia maklum tentang pertikaian ke atas jumlah hutang tersebut. Oleh itu responden mengatakan pengeluaran notis statutori s. 218 oleh pempetisyen terhadap jumlah hutang yang telah dipertikaikan secara *bona fide* oleh responden adalah merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah oleh pempetisyen bertujuan untuk mengenakan tekanan ke atas responden dan menyebabkan kerugian yang tidak boleh dipampaskan (*irreparable damage*) ke atas responden serta menjejaskan reputasi responden terhadap projek tersebut.

[6] Di dalam penghujahannya, peguamcara responden telah membangkitkan isu bahawa petisyen oleh pempetisyen ini adalah defektif dan fatal disebabkan petisyen penggulungan tersebut (lampiran 1) telah tidak ditarikhkan (*undated*). Peguamcara responden juga membangkitkan isu afidavit bagi menentusahkan petisyen (*afidavit verifying petition*) yang diikrarkan oleh Lai Pui Weng bagi pihak pempetisyen (lampiran 3) adalah juga defektif disebabkan petisyen penggulungan yang dirujuk bagi disahkan dalam afidavit tersebut tidak mempunyai tarikh (*undated*). Oleh yang demikian, responden menghujahkan bahawa di atas alasan kecacatan yang berlaku ke atas petisyen penggulungan dan afidavit menentusahkan petisyen (*afidavit verifying petition*) sudah memadai bagi petisyen penggulungan oleh pempetisyen di sini ditolak *in limine*. Peguamcara responden merujuk kepada kes *Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn Bhd & Ors* [1997] 5 CLJ 421 bagi menyokong hujahannya berkaitan kecacatan (*defective*) yang berlaku dalam kes tersebut yang melibatkan notis rayuan yang tidak bermaterai serta tidak bertarikh dan tanpa tandatangan pendaftar yang menjadikan notis rayuan tersebut diputuskan sebagai "cannot be said to be a valid notice of appeal clothed with the legal authority of being issued pursuant to O. 56 r. 1(2) and (3) of the RHC." Peguamcara responden oleh itu menghujahkan perkara yang sama berlaku ke atas petisyen penggulungan di sini dan afidavit menentusahkan petisyen yang difailkan oleh pempetisyen tidak boleh dipulihkan kecacatannya.

Hujahan Oleh Pempetisyen

[7] Pempetisyen melalui afidavit jawapan (lampiran 9) terhadap permohonan pembatalan petisyen oleh responden, mengatakan bahawa tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen adalah mengikut spesifikasi, ukuran dan saiz yang diluluskan oleh SIRIM. Pempetisyen menghujahkan tangki-tangki air yang dibekalkan itu juga mengikuti spesifikasi di dalam borang pesanan (*purchase order*) seperti yang dieksibitkan di "HA1". Pempetisyen menafikan tangki-tangki air yang dibekalkan itu sebagai tidak berkualiti atau defektif.

Pempetisyen juga mengatakan tangki-tangki air yang dibekalkan oleh syarikat pempetisyen adalah diluluskan oleh IKRAM dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Pempetisyen selanjutnya mengatakan responden telah mengendalikan tangki-tangki air tersebut secara yang tidak betul semasa pemunggahan (*the respondent had handled the tanks poorly upon unloading the water tanks*). Pempetisyen mengatakan tanggungjawab pempetisyen hanyalah dalam membuat pembekalan manakala kerja-kerja pemasangan tangki adalah di atas responden bagi melakukannya dengan betul. Oleh yang demikian pempetisyen menghujahkan tidak terdapat pertikaian yang *bona fide* oleh responden terhadap baki bayaran yang masih terhutang sebanyak RM497,910. Maka itu pempetisyen menghujahkan bahawa pempetisyen berhak membawa petisyen penggulungan ini terhadap responden di atas kegagalan dan ketidakupayaan responden membayar jumlah terhutang tersebut. Peguamcara pempetisyen merujuk kepada kes-kes otoriti berikut yang berkaitan dengan petisyen penggulungan: *Morgan Guaranty Trust Co New York v. Lian Seng Properties Sdn Bhd* [1991] 1 CLJ 260; [1991] 1 CLJ (Rep) 317; [1991] 1 MLJ 95; *Gulf Business Construction (M) Sdn Bhd v. Israq Holding Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 775; [2010] 5 MLJ 34; *Syarikat Mohd Noor Yusof Sdn Bhd v. Polibina Engineering Enterprise Sdn Bhd* [2005] 2 CLJ 676; [2006] 1 MLJ 446; *Sri Binaraya Sdn Bhd v. Golden Approach Sdn Bhd* [2000] 7 CLJ 320; [2000] 3 MLJ 465; *Blue Valley Plantation Bhd v. Periasamy Kuppannan & Ors* [2011] 5 CLJ 481; [2011] 5 MLJ 521.

Keputusan Mahkamah

[8] Mahkamah telah memberikan latar belakang petisyen ini dan juga hujahan pihak-pihak terhadap permohonan bagi pembatalan petisyen.

[9] Undang-undang adalah trite bahawa pembatalan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 boleh dibawa terhadap petisyen penggulungan jika ianya "obviously unsustainable". Mahkamah juga mempunyai bidang kuasa semulajadi (inherent power) bagi membatalkan petisyen (*Tan Kim Hor & Ors v. Tan Heng Chew & Ors* [2003] 1 CLJ 634 CA; *Multi-Purpose Bank Bhd v. Uniphoenix Corporation Bhd* [2006] 6 CLJ 474).

Adakah Petisyen Penggulungan Oleh Pempetisyen Defektif

[10] Penelitian mahkamah ke atas petisyen yang difailkan mendapati petisyen tersebut (lampiran 1) telah tidak diberikan tarikh (*undated*). Dengan kata lain tiada tarikh diberikan ke atas

petisyen penggulungan di lampiran 1 tersebut. Bagaimanapun terdapat tandatangan peguamcara di ruang "petitioner's solicitors" dan tandangan pengarah diruang "signature of petitioner Paramount Link Sdn Bhd" di dalam petisyen. Di ruang tarikh pada akhir perenggan bagi *prayers* di petisyen dinyatakan seperti berikut:

Dated this day of 2012.

[11] Penelitian mahkamah ke atas "afidavit verifying petition" (lampiran 3) yang diikrarkan pada 18 April 2012 bagi pihak pempetisyen oleh Lai Pui Cheng iaitu pengarah pempetisyen, ianya telah merujuk dan mengeksibitkan "petition" yang tidak bertarikh (*undated*) yang dilampirkan sebagai eks. "A".

[12] Adalah fakta yang tidak dipertikaikan bahawa petisyen penggulungan yang dibuat serahan ke atas responden adalah tidak mempunyai tarikh (*undated*). Adalah juga fakta yang tidak dipertikaikan bahawa salinan petisyen yang sama yang dilampirkan sebagai eks. "A" dalam *afidavit verifying petition* adalah petisyen penggulungan yang tidak mempunyai tarikh (*undated*).

[13] Menerima pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn Bhd & Ors* [1997] 5 CLJ 421, mahkamah ini berpendapat ketiadaan tarikh pada petisyen penggulungan telah menjadikan petisyen tersebut defektif. Kecacatan ke atas petisyen tersebut menjadi lebih memudaratkan apabila afidavit verifying petition yang difailkan bagi mengesahkan petisyen juga merujuk dan mengeksibitkan petisyen yang tidak mempunyai tarikh (*undated*). Maka yang demikian mahkamah ini berpendapat tidak terdapat afidavit yang sah bagi mengesahkan petisyen yang difailkan itu. Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972 (Companies (Winding-Up) Rules 1972) menghendaki setiap petisyen penggulungan syarikat hendak disahkan oleh afidavit yang akan menjadi keterangan *prima facie* ke atas pernyataan yang terdapat di dalam petisyen. Afidavit tersebut perlu difailkan di mahkamah dalam masa empat hari selepas petisyen dikemukakan. Mahkamah ini berpendapat dengan kecacatan yang terjadi ke atas petisyen penggulungan yang tidak bertarikh (*undated*) dan kecacatan yang berlaku ke atas *afidavit verifying petition* yang merujuk kepada petisyen yang tidak bertarikh tersebut (*undated*), maka satu keterangan *prima facie* tidak boleh terbentuk (*prima facie evidence is not established*).

[14] Undang-undang adalah *trite* bahawa petisyen penggulungan boleh dikemukakan setelah notis statutori di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 yang telah dibuat serahan secara sempurna gagal

dipatuhi oleh responden (*Syarikat Mohd Noor Yusof Sdn Bhd v. Polibina Engineering Enterprise Sdn Bhd* [2005] 2 CLJ 676; [2006] 1 MLJ 446 CA). Tidak terdapat keperluan untuk pempetisyen mendapatkan perintah penghakiman terlebih dahulu sebelum memfailkan petisyen bagi penggulungan syarikat terhadap tuntutan jumlah hutang yang terhutang oleh responden kepada pempetisyen. Skim undang-undang di bawah Akta Syarikat 1965 dalam perkara ini adalah satu peruntukan yang *drastic* yang mengecualikan dari amalan kebiasaan di mana seseorang pemiutang perlu membuktikan dan mendapatkan penghakiman ke atas jumlah hutang sebelum boleh membuat tindakan pelaksaaan. Bagaimanapun peruntukan kaedah-kaedah (*rules*) di Companies (Winding-Up) Rules 1972 adalah memerlukan pematuhan yang ketat. Sebarang ketidakpatuhan ke atas kaedah yang mandatori akan menyebabkan petisyen tersebut menjadi cacat dan boleh diketepikan tanpa perlu merit petisyen dibicarakan. Pematuhan tersebut adalah penting untuk diikuti disebabkan sifat (*nature*) dan implikasi petisyen penggulungan yang dikemukakan di bawah s. 218 adalah bagi menggulungkan sesuatu syarikat. Mahkamah ini berpendapat kecacatan yang berlaku ke atas petisyen di sini dan juga ke atas *afidavit verifying petition* yang difailkan di sini tidak boleh dipulihkan disebabkan ianya adalah merupakan asas (foundation) kepada tindakan pempetisyen. Adalah sesuatu yang tidak boleh diterima apabila *afidavit verifying petition* yang sepatutnya bertujuan bagi mengesahkan petition telah merujuk dan mengesahkan petition yang tidak bertarikh. Pemfailan *afidavit verifying petition* tidak boleh dianggap sebagai cuma bersifat mekanikal. Di atas huraian dan alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat ini adalah satu kes di mana petisyen yang terdapat ini "obviously unsustainable" untuk ianya dibatalkan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Adakah Terdapat Pertikaian *Bona Fide* Ke Atas Hutang

[15] Jika sekiranya mahkamah ini khilaf dalam membenarkan petisyen ini dibatalkan di atas alasan ianya defektif tidak boleh dipulihkan, mahkamah ini juga telah menimbangkan keterangan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam permohonan bagi pembatalan petisyen oleh responden ini.

[16] Responden telah mengeksibitkan surat-surat dan *e-mails* oleh responden kepada pempetisyen terhadap pengaduan ke atas kecacatan dan kerosakan yang terjadi ke atas sebahagian daripada tangki-tangki air yang dibekalkan oleh pempetisyen kepada responden. Surat-surat bertarikh 8 Mac 2011, 16 Mac 2011 dan 10 Oktober 2011 serta gambar-gambar kerosakan tangki-tangki air

tersebut serta e-mail responden kepada pempetisyen dan balasan email dari pempetisyen dapat dilihat secara komulatif di eksibit "HA3" afidavit sokongan responden. Dokumen-dokumen tersebut adalah merupakan dokumen kontemporari yang bukan diada-adakan terkemudian oleh responden. Pempetisyen pula mengatakan tiada kecacatan ke atas tangki-tangki tersebut tetapi ianya menjadi rosak akibat pengendalian oleh responden yang memunggah (*unload*) dan ketika memasang tangki-tangki tersebut. Mahkamah ini berpendapat di atas keterangan yang ada terdapat pertikaian fakta sama ada tangki-tangki yang dimaksudkan itu adalah rosak atau defektif ketika dibekalkan atau ianya menjadi rosak atau defektif ketika ianya dikendalikan atau dipunggah oleh responden. Kecacatan tersebut menjadikan jumlah sebenar harga tangki-tangki yang terhutang oleh responden menjadi satu pertikaian yang *bona fide*. Mahkamah ini berpendapat jumlah yang telah dibayar oleh responden tidak boleh menjadi satu pengakuan oleh responden ke atas keberhutangan kerana bayaran tersebut adalah bagi bekalan tangki-tangki air yang tidak dipertikaikan dan telah diterima oleh responden. Pertikaian oleh responden adalah ke atas sebahagian tangki-tangki air yang dikatakan defektif dan responden ada membuat pengaduan ke atasnya kepada pempetisyen. Oleh itu walaupun responden telah membuat bayaran, ianya tidak boleh menjadi satu estopel ke atas responden bagi tangki-tangki air yang dipertikaikan dan kegagalan membuat bayaran ke atasnya. Keterangan melalui dukumen-dokumen yang dirujukkan oleh pihak-pihak melihatkan pempetisyen menyedari dan maklum terhadap pengaduan dan pertikaian oleh responden tersebut serta penafian responden ke atas jumlah terhutang.

[17] Di atas huraian dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat terdapat pertikaian yang *bona fide* ke atas hutang responden yang menjadikan petisyen penggulungan oleh pempetisyen ini tidak wajar dikekalkan (*not maintainable*). Responden telah dapat melihatkan (*established*) terdapatnya pertikaian yang *bona fide* ke atas hutang tersebut (*Syarikat Noor Yusof Sdn Bhd v. Polibina Engineering Enterprise Sdn Bhd* [2005] 2 CLJ 676 CA diikuti).

[18] Oleh itu, permohonan oleh responden bagi pembatalan petisyen penggulungan pempetisyen dengan ini dibenarkan dan ianya dibenarkan dengan kos.